

**GARIS PANDUAN  
TRAVEL & TOURS ENHANCEMENT COURSE (TTEC)  
UNTUK PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PELANCONGAN DAN  
PENGEMBARAAN**

---

**1. Syarat-syarat Penyertaan**

- a) Kursus ini **wajib** diduduki oleh mana-mana Syarikat Perniagaan Pengendalian Pelancongan berlesen yang ingin memohon pembaharuan lesen perniagaan pengendalian agensi pelancongan dan agensi pengembaraan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL). Ia merangkumi permohonan lesen di bawah kategori seperti berikut:-
- (i) Inbound;
  - (ii) Outbound;
  - (iii) Ticketing;
  - (iv) atau mana-mana kombinasi kategori pelesenan di atas.
- b) Syarikat perlu mengemukakan **sesalinan lesen perniagaan pengendalian yang akan tamat tempoh** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan semasa membuat pendaftaran kursus ini dengan Institut Latihan Pelancongan.
- c) Syarikat mesti menghadiri kursus **sebelum** mengemukakan permohonan pembaharuan lesen baru.
- d) Bagi mana-mana syarikat yang telah membuat pembaharuan lesen dalam tempoh antara 1 Januari hingga 31 Mei 2011, syarikat **mesti mengikuti *Travel & Tours Enhancement Course* di dalam tempoh kelonggaran sementara (*grace period*)** sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan.

**2. Latar belakang Peserta Kursus**

Penyertaan mestilah terdiri dari sekurang-kurangnya seorang wakil dari syarikat ibu pejabat atau cawangan yang merupakan **key personnel** syarikat yang memegang jawatan seperti berikut:-

- (i) *Chief Executive Officer*; atau
- (ii) *Chief Operating Officer*; atau
- (iii) *General Manager*; atau
- (iv) *Managerial Level*.

### **3. Jangkamasa Kursus**

Jangka masa untuk *Travel & Tours Enhancement Course* (TTEC) ialah selama **1 hari**.

### **4. Yuran Kursus**

Yuran kursus adalah sebanyak **RM350.00 seorang**. Ia merangkumi kos penyediaan tempat kursus, makanan dan minuman, material kursus dan bayaran pegawai penceramah sepanjang kursus.

### **5. Permohonan**

Syarikat boleh membuat permohonan menyertai TTEC kepada institut latihan pelancongan (ILP) yang mengendalikan kursus tersebut. Jadual Kursus dan Alamat boleh disemak melalui laman web rasmi Kementerian Pelancongan Malaysia di [www.motour.gov.my](http://www.motour.gov.my)

### **6. Dokumen yang diperlukan**

- (i) Salinan lesen perniagaan pengendalian pelancongan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia; dan
- (ii) Borang Pendaftaran Peserta *Travel & Tours Enhancement Course*

### **7. Ujian Penilaian**

Setiap peserta kursus adalah **diwajibkan untuk menduduki Ujian Penilaian *Travel & Tours Enhancement Course*** yang akan dijalankan pada akhir kursus. Tempoh ujian penilaian adalah selama 1 jam. Format Ujian Penilaian adalah soalan secara bertulis yang berbentuk objektif (pilihan jawapan disediakan).

## 8. Tempoh sah laku sijil

Tempoh sah laku sijil adalah bergantung pada tempoh sah laku lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan. Sijil kursus akan merangkumi kod sijil (untuk rujukan KPL), nama dan jawatan peserta dalam syarikat serta nama syarikat.

## 9. Peraturan dan Kod Pemakaian Peserta Kursus

### (i) Kehadiran

- Kehadiran setiap modul/sesi adalah **wajib** dan peserta yang gagal menghadiri salah satu sesi/modul atau lebih akan dianggap sebagai gagal dalam kursus.
- Semua peserta dikehendaki menepati masa bagi menunjukkan tahap profesionalisme sebagai *tourism frontliners*.

### (ii) Kod Pemakaian

- Peserta kursus dikehendaki memakai pakaian yang kemas dan bersesuaian dalam menghadiri kursus. Berpakaian seluar *jeans*, seluar pendek, tshirt tanpa kolar dan selipar (*flip-flops*) adalah **tidak dibenarkan**.

## 10. Pendaftaran peserta kursus

Setiap peserta perlu mengisi borang pendaftaran kursus dan mengemukakan borang berkenaan kepada penganjur kursus (Institut Latihan Pelancongan).

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :

**Unit Latihan**  
**Bahagian Pembangunan Industri**  
**Kementerian Pelancongan Malaysia**  
**Tingkat 21, Menara Dato' Onn**  
**PWTC, Jalan Tun Ismail**  
**50695, Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-2693 7111**  
**Faks : 03-2693 7451**